

**MERANTAU : POLA MIGRASI IMIGRAN INDONESIA
KETURUNAN MINANGKABAU KE MALAYSIA**

MIR AZRI BIN SHAHARUDIN

**JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

BANGI

1996

**MERANTAU : POLA MIGRASI IMIGRAN INDONESIA
KETURUNAN MINANGKABAU KE MALAYSIA**

MIR AZRI BIN SHAHARUDIN

**JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1996**



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

**MERANTAU: POLA MIGRASI IMIGRAN INDONESIA
KETURUNAN MINANGKABAU KE MALAYSIA**

oleh

MIR AZRI B. SHAHARUDIN

Latihan Ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian) pada sesi

Penyella

Tarikh

Ketua
Jabatan Persuratan Melayu

Tarikh

MERANTAU: POLA MIGRASI IMIGRAN INDONESIA KETURUNAN
MINANGKABAU KE MALAYSIA

MIR AZRI BIN SHAHARUDIN

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1996

PENGAKUAN

Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri
kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap
satunya telah saya jelaskan sumbernya.

24.5.96.

TARIKH

.....
MIR AZRI SHAHARUDIN

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah tuhan semesta alam. Selamat dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, keluarga serta para sahabat baginda. Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana atas kehendak dan keizinanNya dapat saya menyempurnakan latihan ilmiah ini dengan sewajarnya.

Menerusi ruangan yang terbatas ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada En.Lokman Zen, yang banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar yang tidak ternilai dalam membantu menyiapkan latihan ilmiah ini.

Kesempatan ini juga saya mengucapkan jutaan terima kasih khususnya kepada responden-responden yang telah memberikan pandangan, maklumat dan bahan-bahan kajian untuk menjayakan penyelenggaraan latihan ilmiah ini.

Akhirnya penghargaan ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan As, Manaf, Gee, Waha dan semua rakan-rakan sesi 1992-1996. Jasa baik dan suka duka yang kita alami akan tetap dalam kenangan. Semoga Allah s.w.t membalas jasa dan pengorbanan yang telah kalian curahkan.

Wasalam.

Mir Azri b. Shaharudin,
Jabatan Persuratan Melayu,
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan,
UKM,
Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

ABSTRAK

Merantau merupakan salah satu daripada tradisi masyarakat Minangkabau di Sumatera. Malah, ianya dianggap sebagai suatu budaya yang perlu diamalkan dalam masyarakat Minangkabau. Sebagai suatu budaya yang terus-menerus diamalkan, ianya telah jauh berakar umbi dalam masyarakat Minangkabau. Sudah berabad-abad lamanya masyarakat Minangkabau melakukan kegiatan merantau sehinggalah abad yang ke 20 ini, khususnya ke Malaysia. Justeru itu, untuk mendapatkan maklumat yang mendalam mengenai kegiatan merantau ini, kajian telah dibuat dengan melihat aspek-aspek penting, antaranya latar belakang masyarakat Minangkabau di Sumatera, sejarah awalnya merantau ke Malaysia, sebab-sebab merantau dan kehidupan para-perantau di Malaysia. Akhir sekali pengkaji akan membuat rumusan terhadap kegiatan merantau di kalangan masyarakat Minangkabau. Pengkaji telah mendapatkan cerita-cerita lisan daripada beberapa orang informan bagi mendapatkan gambaran mengenai pengalaman mereka semasa merantau ke Malaysia. Secara keseluruhannya, berdasarkan sumber-sumber dan cerita-cerita lisan, menunjukkan bahawa merantau di kalangan masyarakat Minangkabau tetap terus berlaku pada akhir abad ke 20 ini. Merantau adalah suatu fenomena sosial yang tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat Minangkabau. Malah, merantau merupakan jalan terbaik bagi mencapai kemajuan diri bagi individu yang berketurunan Minangkabau.

Isi Kandungan

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI PETA	viii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
Pengenalan	x

BAB 1 LATAR BELAKANG MASYARAKAT MINANGKABAU

1.1 Asal Usul Minangkabau	1
1.2 Kedudukan negeri Minangkabau	2
1.3 Struktur Sosial di Minangkabau	7
1.3.1 Aspek Pemerintahan	7
1.3.2 Suku dan keluarga dalam masyarakat Minangkabau	9
1.3.3 Mamak dan kemenakan	13
1.3.4 Alim Ulama	19
1.3.5 Kegiatan ekonomi masyarakat Minangkabau	22
1.4 Kesimpulan	24

BAB 2 SEJARAH KEDATANGAN ORANG-ORANG MINANGKABAU KE MALAYSIA

2.1 Sejarah Merantau Orang-Orang Minangkabau	25
2.2 Perkembangan Melaka Sebagai Pusat Perdagangan	26

2.3 Kedatangan Raja Melewar ke Negeri Sembilan	30
2.4 Perkembangan Kekuasaan di Luar Daerah Asal	32
2.5 Kedatangan Orang-Orang Minangkabau Pada Abad ke 19 dan 20	35
2.6 Kesimpulan	44

BAB 3 SEBAB-SEBAB ORANG-ORANG MINANGKABAU MERANTAU

3.1 Pendahuluan	45
3.2 Faktor Kedudukan Sumatera Barat yang Jauh Dari Laluan Perdagangan	46
3.3 Faktor Ekonomi	48
3.4 Faktor Sosial	52
3.5 Faktor Politik	57
3.6 Tarikan hidup di Tanah Melayu	62
3.7 Kesimpulan	65

BAB 4 KEHIDUPAN ORANG-ORANG MINANGKABAU DI MALAYSIA

4.1 Pengenalan	66
4.2 Bila Merantau ke Malaysia	67
4.3 Jenis Pekerjaan	69
4.4 Proses Penyesuaian di Malaysia	73
4.5 Status Perkahwinan Para-Perantau	76
4.6 Hubungan dengan Kampung	79
4.7 Kesimpulan	83

BAB 5 KESIMPULAN

84

RUJUKAN

GLOSARI

SENARAI RESPONDEN

SENARAI PETA

1. Peta Sumatera Barat	4
2. Peta Minangkabau dan Rantau	5

SENARAI JADUAL

1. Penyebaran Orang Sumatera di Malaya 1931-1947	39
2. Imigran Indonesia Yang Tiba Pertama Kali di Malaya	40
3. Jumlah Orang Indonesia Mengikut Etnis di Malaya 1911-1947	41

SENARAI SINGKATAN

JMBRAS Journal of Malaya Branch Royal Asiatic Society

SSF Selangor State Files.

PENGENALAN

(i). Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat fenomena merantau yang wujud di kalangan masyarakat Minangkabau ke Malaysia. Merantau adalah suatu ciri yang penting dalam masyarakat Minangkabau. Namun begitu belum ada kajian yang menyeluruh tentang aspek kehidupan masyarakat Minangkabau terutamanya tentang aspek merantau. Justeru itu, perlunya satu kajian yang mendalam tentang merantau bagi mencari sebab akibat berlakunya kegiatan merantau di kalangan orang-orang minangkabau khususnya di Malaysia.

Memang diakui bahawa migrasi penduduk keturunan Indonesia ke Malaysia tetap terus berlaku sehingga sekarang. Gerakan perpindahan penduduk keturunan Indonesia tetap terus berlaku semenjak turun temurun lagi. Orang Minangkabau termasuk di dalam kelompok yang banyak bergerak terutama sekali ke Malaysia.

Keadaan ini menimbulkan persoalan mengenai kegiatan merantau yang sudah jauh berakar umbi dalam masyarakat Minangkabau. Justeru itu, pengertian dan memahami mengenai tradisi merantau amatlah perlu bagi mencari jawapan mengenai kegiatan tersebut.

Apatah lagi dengan tradisi merantau itu yang di anggap sangat istimewa dalam masyarakat Minangkabau. Sesungguhnya, kajian mengenai merantau ini akan cuba mengenali tradisi merantau itu dengan lebih mendalam lagi.

(ii). Kepentingan Kajian.

Kepentingan kajian ini terletak kepada hakikat bahawa selama ini, sepanjang pengetahuan penulis, merantau khususnya ke Malaysia, tidak mendapat perhatian yang secukupnya daripada para-pengkaji. Seminar tentang sejarah dan kebudayaan Minangkabau yang dilaksanakan di Batu Sangkar (bekas pusat kerajaan Pagarruyung) di tahun 1970, menyimpulkan bahawa pengkajian yang mendalam tentang merantau yang sifatnya lebih sistematik perlunya diadakan bagi mencari sebab akibat dari gejala ini.¹

Adalah dipercayai bahawa kajian serupa ini akan menimbulkan semula perhatian dan kesedaran tentang tradisi merantau yang merupakan budaya yang cukup terkenal di kalangan masyarakat Minangkabau.

Seterusnya, kajian ini akan dapat mengenali budaya merantau yang telah wujud sejak turun-temurun sehingga diwarisi oleh masyarakat Minangkabau sehingga ke hari ini. Adalah menjadi harapan, bahawa tafsiran terhadap merantau di kalangan masyarakat Minangkabau akan membolehkan kita mengenali lebih dekat lagi akan istilah merantau itu sendiri.

¹ Lihat kumpulan Hasil-Hasil Seminar, Himpunan Prasaran dan Kertas Kerja Seminar Sejarah dan Kebudayaan, Jilid 5, disusun oleh Panitia Seminar Sejarah dan Kebudayaan Minangkabau, Padang, 1970.

(iii) Metodologi Kajian.

Pengkaji akan mengeksplikasikan melalui kajian perpustakaan, temubual dan juga pemerhatian ikut serta. Sebagai langkah awal, pengkaji akan mendapatkan sumber dan bahan bertulis yang terdapat di Perpustakaan. Segala maklumat bertulis yang berkaitan dengan kajian cukup penting sebelum turun ke lapangan. Antaranya ialah dari segi definasi, skop kajian, sebab-sebab merantau dan kaedah penyelidikan.

Kaedah temubual dan wawancara turut digunakan bagi tujuan memperolehi maklumat terperinci ini daripada sumber utama. Pengkaji akan menemui beberapa orang perantau dari Sumatera yang telah menetap di Malaysia. Lantaran itu, kajian ini menggunakan sumber lisan sebagai bahan kajian. Walaupun fakta yang diperolehi nanti berbentuk tulisan, namun pengkaji berpendapat sumber ini masih penting. Prof. Khoo Kay Kim mengatakan ;

...beberapa aspek sejarah kita yang tidak didokumenkan.
Maka sewajarnya, kita perlu bergantung kepada bahan-bahan lisan².

Kewajaran untuk menggunakan bahan lisan kemungkinan boleh dipersoalkan.³

Namun begitu, untuk memperolehi bahan-bahan penting yang tidak terdapat dalam mana-mana rekod atau kajian lepas, bahan lisan adalah jalan keluar bagi menjayakan kajian ini.

² Khoo Kay Kim, Sejarah Tempatan, Penyelidikan, Bil 1. Oktober 1972, hlm., 104.

³ Untuk melihat kelemahan penggunaan bahan lisan sila rujuk Mohd Amin Hasan, Tradis Lisan, Sejarah Lisan : Dalam usaha Mengkaji Sejarah Lisan Tanahair Kita, Mohd Taib Osman, (Peny), Tradisi Lisan di Malaysia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1975, hlm., 167-168.

Manakala bahan-bahan sejarah pula ialah satu cara untuk menambahkan bahan-bahan selain dari rekod-rekod bertulis.

Maklumat yang diperolehi dari responden-responden adalah penting kerana mereka merupakan golongan yang benar-benar terlibat dalam aktiviti merantau. Maklumat yang diperolehi adalah hasil pengalaman serta penglibatan mereka semasa mereka merantau ke Malaysia.

(iv) Masalah Kajian.

Dalam usaha menyelenggarakan latihan ilmiah ini, pengkaji menghadapi pelbagai masalah. Masalah yang terbesar ialah kekurangan bahab-bahan atau yang dapat dijadikan bahan kajian. Kajian mengenai merantau terutamanya di kalangan masyarakat Minangkabau adalah terlalu kurang. Ketiadaan kajian-kajian yang terdahulu khususnya dalam bidang ini, sedikit sebanyak mendatangkan kesan yang negatif kepada kajian yang diusahakan oleh pengkaji.

Sebagai jalan keluar, penulis menggunakan teknik wawancara atau temubual beberapa orang perantau keturunan Minangkabau yang telah mengalami dan mengharungi proses merantau ke Malaysia. Kebanyakan daripada mereka berumur dua puluhan hingga enampuluhan. Namun begitu, ada di antara para-perantau yang berketurunan Minangkabau tidak dapat mengingat dengan jelas mereka mula sampai ke Malaysia. Keadaan ini adalah

disbabkan oleh faktor umur yang terlalu muda semasa merantau ke Malaysia iaitu antara dua hingga sepuluh tahun. Ada juga di antara para-perantau yang tidak mahu ditemubual dan memberi maklumat kerana bimbang fakta yang diberikan nanti akan memberi kesan yang negatif terhadap masyarakat Minangkabau itu sendiri.

Justeru itu, hanyalah golongan perantau yang berumur antara tiga puluhan hingga enampuluhan yang sanggup memberikan maklumat berkenaan dengan tradisi merantau dan menceritakan pengalaman diri mereka kepada pengkaji. Keadaan ini adalah disebabkan oleh nostalgia lama oleh mereka yang berumur enampuluhan untuk dikongsi bersama oleh pengkaji. Tambahan pula para-perantau tersebut merasa gembira dan seronok tinggal di Malaysia.

Walaupun pengkaji menghadapi masalah seperti yang telah disebutkan di atas, pengkaji tetap berusaha menyiapkan latihan ilmiah ini. Adalah diharapkan kajian ini akan dapat memberikan sedikit sebanyak sumbangan terutama sekali dalam kajian berkenaan dengan proses kedatangan orang-orang Indonesia keturunan Minangkabau ke Malaysia.

(iv) Definasi Merantau

Merantau adalah istilah Melayu, Indonesia dan Minangkabau yang sama dengan pemakaian dengan kata akar "rantau" .⁴ Rantau menurut Winstedt⁵, Iskandar,⁶ dan

⁴ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, Gadjah Mada University Press, Yogyakarta, 1984, hlm. 2.

⁵ R.O. Winstedt, Kamus Bahasa Melayu, Singapore, 1960, dibawah kata "rantau".

⁶ Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1970, hlm. 931.

Purwadarminta⁷ ialah kata benda yang bererti dataran rendah atau daerah aliran sungai, jadi biasanya terletak dekat ke atau bahagian dari daerah pesisir.⁸ Merantau ialah kata kerja yang berawalan "me" yang bererti pergi ke rantau.⁹

Istilah merantau dari segi sosiologi mengandungi 6 unsur pokok iaitu¹⁰:

1. Meninggalkan kampung halaman.
2. Dengan kemahuan sendiri.
3. Untuk jangka waktu lama atau tidak.
4. Dengan tujuan mencari penghidupan, menuntut ilmu atau mencari pengalaman.
5. Biasanya dengan maksud kembali pulang.
6. Merantau ialah lembaga sosial yang membudaya.

Pada awalnya, merantau adalah dianggap hanya meninggalkan kampung halaman sahaja. Keadaan ini boleh dilihat melalui percakapan yang bermaksud pergi ke kota yang dekat sahaja.¹¹ Pada masa itu, wilayah Minangkabau hanyalah terbatas kepada Luhak nan Tigo, pergi ke pantai timur atau ke pantai barat sudah dianggap merantau.¹²

Namun begitu, Sumatera Barat, dari sudut politik dan budayanya telah menjadi satu wilayah dan penduduknya tidak lagi menganggap dirinya terbahagi kepada sub-kelompok. Justeru itu, sudah menjadi kebiasaan "kata merantau" digunakan untuk pergi ke luar Sumatera.¹³

⁷ W. J. S Purwadarminta, Kamus Umum Bahasa Indonesia, Balai Pustaka, Jakarta, 1966, Bhg. II, hlm., 125.

⁸ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm., 2.

⁹ Ibid.

¹⁰ Ibid, hlm., 3.

¹¹ Ibid.

¹² Ibid.

¹³ Ibid.

Malah merantau adalah dianggap sebagai satu sifat yang sudah menjadi darah daging orang Minangkabau. Ada adat perbilangan yang menggambarkan kecenderungan orang-orang Minangkabau untuk pergi mengadu nasib ke daerah-daerah yang jauh iaitu;

“Kerantau matang di hulu, berbunga buah belum,
Kerantau bujang dahulu, di kampung berguna belum.”¹⁴

Orang-orang Minangkabau merantau ke merata tempat dan negeri sepanjang masa dan tidak henti-hentinya. Biasanya tenaga muda sahaja yang berani pergi merantau. Mereka inilah yang tidak gentar menghadapi bahaya dan cabaran-cabaran dalam perjalanan yang jauh lagi berat.¹⁵

Golongan perantau mempunyai keberanian menghadapi segala macam kesusahan di tempat atau di daerah yang mereka datangi, harus giat berusaha dan berjimat hingga berjaya mencapai satu peringkat hidup yang memuaskan hati mereka. Mereka yang pergi merantau adalah putera-putera daerah yang terbaik.¹⁶ Hanya sedikit sahaja bilangan mereka yang pulang balik ke kampung. Bilangan yang besar menetap di rantau, oleh itu mereka itu dipanggil “merantau Cina”.¹⁷ Walaupun begitu, golongan perantau itu tidak pernah lupa saudara mara dan kampung halaman.

¹⁴ Mohd Dahlan Mansoer, Minangkabau dan Negeri Sembilan dalam Kertas Kerja Adat Perpatih dan Negeri Sembilan. Tinjauan Kaitan Sejarah dan Kebudayaan. 10-12 April 1974. Seremban: Majlis Belia Negeri Sembilan.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Ibid.

Keadaan ini dapat dilihat melalui nyanyian berhibah-hiba iaitu:

Bila hari sudah senja
Dagang berurai air mata,
awan berarak ditangisi
Den takana jo kampung.¹⁸

Justeru itu dapatlah dianggap bahawa merantau adalah salah satu keistimewaan yang ada dalam masyarakat Minangkabau. Orang-orang muda digalakkan merantau untuk kemajuan diri mereka sendiri. Malah banyak perbilangan yang menyuruh sekaligus mendorong orang-orang Minangkabau pergi merantau. Merantau dianggap sebagai suatu budaya dan tempat yang hendak tujui adalah tidak terbatas sama ada di dalam Sumatera mahupun di luar Sumatera sendiri. Hamka pernah berkata bahawa orang Minang adalah orang perantau.¹⁹

Mereka yang tinggal dikampung dikatakan tidak mendapat jalan keluar. Sebaliknya, pengaruh merantau dalam masyarakat Minangkabau dapat dilihat kepada kenyataan Hamka bahawa hampir separuh anak Minangkabau telah merantau meninggalkan negerinya dan tersebar pula ke seluruh Pulau Sumatera dan menerobos ke Pulau Jawa dan negeri-negeri yang lain.²⁰

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Hamka, Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi, Penerbit Tekad, Jakarta, 1963, hlm., 2

²⁰ Ibid, hlm., 88.

Sehubungan dengan itu, dapatlah dikatakan bahawa merantau adalah pergi meninggalkan kampung halaman menuju ke tempat yang baru. Justeru itu, merantau adalah salah satu sifat yang cukup istimewa yang ada pada diri orang-orang Minangkabau.

BAB 2

SEJARAH KEDATANGAN ORANG-ORANG MINANGKABAU KE MALAYSIA

2.1 Sejarah Merantau Orang-Orang Minangkabau.

Mulanya perantau yang pertama ke Tanah Melayu dikatakan terjadi pada zaman Melaka sebagai pusat perdagangan dalam abad ke 15 dan 16. Namun begitu, Marsden percaya¹ ekspedisi atau migrasi pertama ke Semenanjung Tanah Melayu yang dipimpin oleh Sri Tri Buana dalam abad ke 12 tidak berasal dari daerah sekarang yang bernama Palembang, seperti yang dianggap oleh ramai penulis dan pembahas Sejarah Melayu, tetapi adalah dari Minangkabau.

Pandangan Marsden ini telah mendapat sokongan kuat dari O.W. Wolters²,

bahawa;

¹ Marsden, The History of Sumatera, Oxford Press, Kuala Lumpur, 1966, edisi ketiga, hlm. 333.

² O.W Wolters, The Fall of Srivijaya in Malay History, Cornell University Press, Ithaca 1970.

Mendekati penghujung abad ke 11, ibukota kerajaan Melayu pindah dari Palembang ke Jambi, lebih ke utara di tepi pantai yang sana. 'Srivijaya', dengan ibukota Paalembang ke Jambi, lebih ke utara di tepi pantai yang sana. 'Srivijaya' dengan ibukota dalam erti kata yang sebenarnya, kini tidak lagi ada, namun para ahli telah biasa memakai istilah tersebut dalam makna kerajaan yang diperintahi dari Jambi dan kemudiannya dari pedalaman Minangkabau.

Schebesta, Loeb dan Wilkinson telah melangkah dengan lebih jauh lagi apabila menyebut bahawa seluruh penduduk 'Malaya' di Semenanjung berasal dari Minangkabau.³ Menurut Mochtar Naim⁴, pendapat tersebut merupakan pendapat yang kelihatannya mungkin berlebih-lebihan.

Walaupun begitu, dapatlah diakui bahawa memang terdapat rombongan-rombongan orang-orang Minangkabau yang datang ke Tanah Melayu. Malah dengan perkembangan pesat pelabuhan Melaka telah menarik minat para-pedagang Minangkabau memperdagangkan barangan mereka ke Melaka. Justeru itu, Melaka sebagai pusat perdagangan di Asia Tenggara pada abad ke 15 dan 16 telah menarik minat untuk orang-orang Minangkabau datang ke Tanah Melayu.

³ De Josselin de Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan, Socio Political Structure In Indonesia, Bharta, Jakarta, 1960, hlm. 332.

⁴ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, Gadjah Mada Press, Yogyakarta, 1984, hlm. 67.

2.2 Perkembangan Melaka sebagai Pusat Perdagangan.

Seorang pedagang Inggeris, Tate megemukakan sebagai pendapatnya bahawa ;

Perkembangan negeri Melaka sejak pertengahan abad ke 15 telah mengakibatkan perpindahan orang Minangkabau buat pertama kali "on a large scale"⁵

Perkembangan Melaka sebagai pusat perdagangan yang baru dan sebagai pelabuhan yang paling kuat di Asia Tenggara, yang sering dikunjungi kapal dari timur dan barat dan oleh pedagang pelbagai bangsa⁶, maka pedagang Minangkabau mula mengangkut hasil-hasil mereka ke Melaka, dan dari sana membawa pulang kain Coromandal dari Gujerat serta sutera dan porselein Cina.

Melalui perhubungan perdagangan antara Melaka dengan Minangkabau ini menyebabkan ramai para-pedagang keturunan Minangkabau pergi berdagang ke Melakadan sebahagiannya mula menetap di Melaka. Pada mulanya mungkin bersifat sementara kerana keharusan perdagangan menyebabkan berlakunya hubungan bolak-balik, namun lama kelamaan menjadi pen tetap.⁷

Menurut Winstedt, migrasi orang Minangkabau menyeberangi selat Melaka, telah bermula dalam abad ke 15 atau bahkan sebelum itu, sementara Wilkinson menyebutnya

⁵ Tate, DJM, "The Making of Modern South East Asia," Vol 1, Oxford University Press, Kuala Lumpur 1971.

⁶ Tom Pires, Summa Oriental, terj. dan ed oleh Armende Cortesso, Hakluyt Society, 1944, London, Vol 1, hlm. 268.

⁷ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 69.

dalam abad ke 16, beberapa waktu setelah jatuhnya Melaka, tahun 1511.⁸ Pada tahun 1512, Albuquerque telah mengamati kedatangan imigran Minangkabau ke kota taklukannya⁹, manakala Tom Pires ada menyebut tentang pedagang Minangkabau yang telah bercampur baur dengan pedagang-pedagang dari timur dan barat.¹⁰

Semasa pendudukan Portugis di Melaka, daerah pendalaman kota didiami oleh orang Minangkabau.¹¹ Makin lama makin banyak orang Minangkabau berpindah ke Melaka dan ke daerah pendalaman pada abad ke 16 dan 17 sehingga pada tahun 1613, Godinho de Eradia mencatatkan kehadiran pemukim Minangkabau di wilayah Portugis seperti di Naning dan Rembau.¹²

Kira-kira tiga puluh tahun kemudian, Naning menjadi negeri pertama dari Negeri Sembilan yang diakui baik oleh Johor (Sultan Abdul Jalil II) mahupun oleh Belanda yang menggantikan Portugis di Melaka.¹³ Naning kemudiannya diikuti oleh negeri-negeri lain di pedalaman seperti Jelevu, Kelang, Inas, Pasir Besar, Segamat dan Jelai.¹⁴ Seratus dua puluh tahun lamanya proses ini berjalan. Sementara itu kemasukan imigran dari Minangkabau tetap terus berlaku dan menetap pula di negeri-negeri tersebut.¹⁵

⁸ Ibid.

⁹ De Josselin de Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan Socio Political Structure In Indonesia, hlm. 332

¹⁰ Tom Pires, Summa Oriental, hlm. 268.

¹¹ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 69.

¹² De Josselin de Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan Socio Political Structure In Indonesia, hlm. 334.

¹³ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 69.

¹⁴ De Josselin de Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan Socio Political Structure In Indonesia, hlm. 334

¹⁵ Wilkinson, Papers on Malay Subjects, Oxford University Press, Kuala Lumpur, bahagian III, "Negeri Sembilan", 1971, hlm. 277-468.

Keadaan ini menggambarkan bahawa imigran dari Minangkabau telah merantau meninggalkan kampung halaman mereka di Sumatera sejak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Sesuai dengan kehebatan orang-orang Minangkabau dalam perniagaan, mereka juga merupakan pedagang yang telah berdagang dengan pedagang-pedagang yang berlainan bangsa di Melaka.

Malah kehebatan pedagang-pedagang Minangkabau ini boleh dilihat melalui hubungan perdagangan yang luar biasa yang berlaku antara Minangkabau dengan Melaka. Misalnya, Diego de Coute telah menulis dalam tahun 1600 mengenai situasi sekitar tahun 1560, di mana telah disebut "hubungan perdagangan yang luar biasa antara Monancabo dan Malacca dan banyak kapal pulang balik setiap tahun bermuatan emas, untuk membeli barang-barang kain dan lain-lainnya. Seterusnya beliau menulis bahawa " di zaman dahulu negeri ini sedemikian kayanya akan logam ini (emas) hingga beratus-ratus kati dieksport setiap musim".¹⁶

Justeru itu, kegiatan perdagangan yang dilakukan oleh para-pedagang Minangkabau di Melaka telah menyebabkan kemasukan orang-orang Minangkabau ke Tanah Melayu dan terus pula menetap di Tanah Melayu. Malah, kepentingan perdagangan antara Minangkabau dengan Melaka dapat dilihat melalui tulisan De Barros pada 1533 yang mengatakan bahawa :

Melaka memperoleh kemasyhuran disebabkan oleh

¹⁶ Marsden, *The History of Sumatera*, hlm. 334

melimpahnya emas yang dibawa dari Monancabo dan Barus (Barus, daerah perdagangan di utara Sibolga, daerah takluk Minangkabau), negeri-negeri di pulau 'Camatra' di mana ia dihasilkan.¹⁷

Sehubungan dengan itu, dapatlah dikatakan bahawa perhubungan perdagangan yang berlaku antara Melaka dengan Minangkabau pada abad ke 15 dan 16 telah menjadi daya tarikan orang-orang Minangkabau datang ke Tanah Melayu.

2.3 Kedatangan Raja Melewar ke Negeri Sembilan.

Sebelum tahun 1721, Negeri Sembilan hanyalah seperti kampung-kampung, dan diperintah oleh datuk-datuk yang menerima pengakuan dari Yang DiPertuan, Sultan Johor.¹⁸ Namun oleh kerana pengaruh migrasi orang-orang Minangkabau yang terus berlaku, keinginan untuk menggantikan undang-undang Johor dengan hukum adat Minangkabau menjadi keinginan bagi orang-orang Minangkabau di Negeri Sembilan. Johor pula semakin lemah dengan terbunuhnya Sultan Mahmud II pada tahun 1699 dan digantikan dengan Bendaharanya, yang kemudian pula diusir dan digantikan oleh Raja Kecil dari Siak dan menyatakan diri sebagai putra Sultan Mahmud II, yang lahir setelah beliau terbunuh. Raja Kecil pula digulingkan oleh putera-putera Datuk Bandahara dengan bantuan orang Bugis. Negeri Sembilan kemudiannya jatuh ke tangan orang Bugis, yang memaksa para-pemukim tunduk kepada penguasaan Bugis, Daeng Kemboja.¹⁹

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Sila lihat Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 69.

¹⁹ Ibid, hlm. 71.

Datuk-datuk Negeri Sembilan menolak untuk tunduk di bawah orang-orang Bugis dan memohon kepada Sultan Abdul Jalil IV, Sultan Johor, bagi membenarkan mereka memiliki putera mahkota mereka sendiri untuk memerintah Negeri Sembilan dan mengusir keluar orang Bugis. Sultan tidak dapat untuk memberi mereka putera mahkota kerana itu, Datuk-Datuk memohon izin untuk menjemput seorang putera mahkota dari tanah kelahiran mereka iaitu Minangkabau. Perkara tersebut dipersetujui oleh Sultan Johor dan menurut laporan Sungai Ujong, mengatakan ada tiga orang Raja yang berangkat ke Negeri Sembilan dari Minangkabau iaitu, Raja Kasah, Raja Adil dan Raja Khatib.²⁰

Ketiga-tiga raja tersebut tidak sanggup untuk menerapkan hukum adat Minangkabau seperti yang dimahukan oleh para-pemukim dan barulah Raja Melewar (1773-1795) berjaya mengembangkan hukum adat Minangkabau dan mengusir orang-orang Bugis.²¹

Selepas Raja Melewar, dua penguasa lain dijemput dari Pagarruyung iaitu Raja Hitam (1795-1808), dan Raja Lenggeng (1808-1824). Raja Lenggeng dikirim setahun sebelum kemusnahan keluarga Raja Pagarruyung. Setelah baginda mangkat, puteranya

²⁰ Wilkinson, *Negeri Sembilan*, hlm. 95.

²¹ De Josselin de Jong, *The Dynastic Myth of Negeri Sembilan*, 1971, belum diterbitkan.

Raja Radin menjadi raja pertama atau Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan yang memerintah secara turun-temurun.²²

Justeru itu, melalui seorang pemerintah yang dibawa dari Minangkabau, tentunya hukum adat dapat dijalankan dan semakin ramai orang-orang Minangkabau yang merantau ke Negeri Sembilan. Malah, boleh dikatakan bahawa Negeri Sembilan adalah destinasi popular bagi orang-orang Minangkabau di Tanah Melayu.

2.4 Perkembangan Kekuasaan di Luar Daerah Asal.

Orang-orang Minangkabau juga datang ke wilayah-wilayah pantai Sarawak dan Brunei. Melalui perkembangan kekuasaan di luar daerah asal secara tidak langsung membawa kepada kedatangan ramai orang-orang Minangkabau ke daerah yang baru. Menurut Van Leur, bahawa migrasi orang Indonesia ke luar daerah asal adalah suatu perkara yang cukup penting sekali dalam konteks pola migrasi orang Indonesia.²³

Keadaan ini menyebabkan adanya pengikut yang mengikuti pemerintah pergi ke sesuatu daerah yang baru. Misalnya, Tarsila (silsilah) raja-raja Sulu seperti yang diterjemahkan oleh Najeeb Saleeby pada tahun 1908 dari tulisan Melayu Tua (Jawi) yang

²² Abdul Samad Idris, Hubungan Minangkabau dan Negeri Sembilan dari Segi Sejarah dan Kebudayaan, Pustaka Asas, Seremban, 1970, hlm. 15.

²³ J.C. Van Leur, Indonesia Trade and Society, W. Van hoeve, The Hague 1955, hlm. 101.

disimpan oleh keluarga aristokrat Sulu,²⁴ ada menyebut bahawa adanya hubungan darah yang bermula dengan raja Baginda yang datang dari Minangkabau bersama pengikutnya.

Salceby dalam *The History of Sulu* menyebut:

“beberapa waktu setelah makhdum (silsilah Sulu menyebutnya sepuluh tahun) datanglah ke Sulu seorang putera mahkota dari Minangkabau yang bernama Raja Baginda. Minangkabau adalah daerah dataran tinggi yang kaya di Sumatera Tengah, darimana kebanyakan dinasti-dinasti raja Melayu. Baginda disebut sebagai yang telah sampai terlebih dahulu di Sambuangan (Zamboanga) dan Basilan sebelum sampai di Sulu...”

“Raja baginda bukanlah seorang saudagar dan bukan pula seorang pelancong yang mengitari kepulauan Nusantara. Ia diiringi oleh Menteri dan tidak syak lagi datang ke Bwansa untuk menetap dan memerintah. Kedatangannya merupakan invasi biasa yang terbukti berjaya. Ketika Abu Bakar sampai ke Bwansa seperti yang kita akan ketahui kemudian, ia dihadapkan langsung kepada Raja Baginda, yang mestilah sudah menjadi penguasa tertinggi Bwansa. Oleh kerana itu temukan seluruh kepala-kepala suku Sulu yang tercatat dalam Tarsila pada hari kedatangan Baginda rendah pangkatnya di mana tidak seorang pun yang bergelar ‘raja’ di antara mereka.”²⁵

Begitu juga dengan pengakuan oleh golongan bangsawan di Sarawak yang mengakui akan adanya pertalian darah dengan nenek moyang mereka dengan Minangkabau. Secara tidak langsung ini menunjukkan bahawa adanya orang-orang

²⁴ Menurut Najeed Salceby, naskah aslinya berada di tangan Haji Butu Abdul Baqi, Perdana Menteri dari Sultan Sulu, yang mengaku bahawa nenek moyangnya bersal dari mantiri asip, salah seorang menteri dari raja baginda. Lihat *The History of Sulu*, Bureau of Printing, Manila, 1908; jilid IV, bgh II, hlm. 147.

²⁵ *The History of Sulu*, ibid, hlm. 159-160.

Minangkabau yang datang ke Sarawak dan kepulauan Borneo. Hamka dalam hubungan ini mengungkapkan bahawa :

“Bangsawan-bangsawan Sarawak yang memakai gelar-gelar Datuk itu (maksudnya sama dengan yang di Minangkabau), seketika saya temui di bulan Oktober 1960 itu juga, dalam persinggahan saya di Kuching dengan bangganya mengatakan bahawa mereka adalah keturunan Minangkabau”.²⁶

Malah, Tom Harrison juga menghubungkan golongan bangsawan di Sarawak adalah keturunan dari Minangkabau. Menurutny:

“It is not suprising, therefore, that the oldest recorded genealogy in Sarawak Malays hands today traces thirty generations back to Minangkabau in Sumatra. It will be salutary to print this genealogy here, in simlified form, and try to bear in it mind by way of background.

Abang Gudam, like many before him, came as trader from Sumatra. He rescue a Brunei lady who had been seized by a Sultan without her father's consent, married her and settled in the Saribas distirct to found the Malay aristocratcy of that area.²⁷

Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapatnya orang-orang Minangkabau yang telah datang ke Sarawak dan menetap di sana. Kedatangan mereka juga tidak dinafikan sebagai seorang pedagang pada awalnya. Justeru itu, bukan sahaja Tanah Melayu yang menjadi tumpuan kedatangan orang-orang Minangkabau ke Malaysia tetapi juga kepulauan Borneo yang tidak berapa jauh jaraknya daripada Sumatra.

²⁶ Hamka, Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi, Penerbit Tekad, Jakarta, 1963, hlm. 67.

²⁷ Tom Harrison, The Malay of South West Serawak Before Malaysia, A Socio-ecological Survey, Mc Millan, 1970.

Pertalian darah juga wujud di kalangan pemerintah Brunei dengan Johor dan Minangkabau. Keadaan ini dapat dilihat pada inskripsi peninggalan batu nisan Sultan Ahmad Tajuddin dari Brunei iaitu:

“Maka Seri Sultan Muhammad Tajuddin menitahkan kepada Tuan Haji Khatib Abdulatif supaya menerangkan silsilah ini agar diketahui anak cucu, raja yang mempunyai takhta kerajaan di Brunei Darulssalam turun temurun yang mengambil pusaka nobat negara dan genta nobat dari negeri Johor Kamalul Maqam, yang mengambil pusaka nobat negara genta alamat dari Minangkabau negeri Andalas...”²⁸

Sehubungan dengan itu, kewujudan orang-orang Minangkabau di Sarawak dan Brunei sekaligus kepulauan Borneo serta bahagian selatan Filipina memang tidak dapat dinafikan lagi. Apatah lagi dengan pertalian darah yang wujud antara pemerintah Brunei dengan pemerintah di Minangkabau, tentunya orang-orang Minangkabau mempunyai pengaruh yang kuat di Brunei. Sekaligus keadaan ini menggambarkan bahawa memang wujud orang-orang Minangkabau di Sarawak dan Brunei pada abad ke 14 dan 15.²⁹

2.5 Kedatangan Orang-Orang Minangkabau Pada Abad Ke 19 dan 20.

Orang-orang Minangkabau tetap terus datang ke Malaysia sehinggalah pada abad ke 20. Sebelum ini telah diperlihatkan akan kedatangan mereka ke Tanah Melayu semenjak abad ke 15 dan 16 serta 18, tetapi kemasukannya tetap terus berlaku sehinggalah pada abad

²⁸ Hamka, *Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi*, hlm. 66-67.

²⁹ Lihat Mochtar Naim, *Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau*, beliau berkata bahawa dalam konteks Van Luer iaitu pengembangan kuasa di peringkat luar, beliau memasukkan perluasan rantau Minangkabau sejak abad-abad ke 14 dan 15, hlm. 75.

ke 20. Pada peringkat ini, kota-kota menjadi tumpuan orang-orang Minangkabau ke Malaysia. Mochtar Naim mengelaskannya sebagai rantau kota.³⁰

“Kelang” menjadi sebutan yang popular bagi orang-orang Minangkabau yang ingin merantau ke Malaysia. Istilah ‘Kelang’ adalah untuk Malaya pada ketika itu.³¹ Keadaan ini adalah disebabkan oleh pelabuhan Kelang telah menjadi pusat masuk bagi orang-orang Minangkabau yang ingin ke Malaya.

Orang-orang Minangkabau mulai datang ke Malaysia dengan cara individu dan tidak lagi melalui rombongan yang ramai. Sebaliknya dengan kemajuan yang dicapai pada bidang pengangkutan seperti kemudahan bas, kapal terbang, keretapi dan feri memudahkan perjalanan antara pulau Sumatera dengan Malaysia.

Malaysia yang dekat dengan pulau Sumatera tetap menjadi pilihan dan pusat-pusat kota menjadi pilihan dan daya tarikan para-perantau dari Minangkabau. Orang-orang Minangkabau mula hidup sendiri-sendirian, menyesuaikan diri dengan keadaan hidup di kota-kota besar dan menjadi pedagang kecil-kecilan bagi meneruskan hidup di kota-kota besar.

Justeru itu, Kuala Lumpur merupakan pusat tumpuan orang-orang Minangkabau yang popular pada abad yang ke 20.³² Kedatangan penduduk keturunan Sumatera ke

³⁰ Lihat Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 77.

³¹ Abdul Samad Idris, Hubungan Minangkabau dan Negeri Sembilan dari Segi Sejarah dan Kebudayaan, hlm.18.

³² Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 146.

Malaya dapat dilihat berdasarkan laporan Malaya Census Reports 1931 hingga 1947 yang mencatatkan bahawa pada 1931 sejumlah 40, 100 orang imigran Sumatera telah datang ke Malaya. Sementara Selangor pula mencatatkan angka tertinggi seramai 14, 551 orang imigran.³³

Manakala mengikut banci yang dibuat oleh kerajaan British pada tahun 1947, seramai 26,300 orang-orang Sumatera yang menetap di Tanah Melayu, 45% daripadanya adalah terdiri daripada imigran Minangkabau.³⁴

Malah, orang-orang Sumatera tidak bertumpu di satu negeri sahaja di Malaya, sebaliknya mereka bertaburan malah meliputi seluruh negeri yang terdapat di Malaya. Berdasarkan kepada jadual 3, jelas menunjukkan bahawa orang-orang Sumatera telah berada di seluruh negeri di Malaya.

Menurut Mohd Dahlan Mansoer, sehingga tahun 1950an, perantau-perantau dari Minangkabau tetap terus datang ke Malaya dengan tidak putus-putusnya.³⁵ Justeru itu dapatlah di lihat bahawa sejak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi, orang-orang Minangkabau tetap tidak putus-putus datang ke Malaysia dan tidak dinafikan ada di antara mereka yang menetap di Malaysia.

³³ Malayan Census Report, 1931-1947.

³⁴ Del Tufo. Malaya: A Report On The 1947, Census Of Population, London, The Government Printer, 1949, hlm. 18.

³⁵ Mohd Dahlan Mansoer, Minangkabau dan Negeri Sembilan. Tujuan Kaitan Sejarah dan Kebudayaan dalam Kertas kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, 1974.

Kedatangan orang-orang Minangkabau ke kota-kota besar di Malaysia menunjukkan bahawa mereka berminat untuk tinggal di kota-kota besar. Menurut Tunku Shamsul Bahrin,³⁶ antara sebab mengapa orang-orang Minangkabau tidak mahu bermukim di daerah pantai ialah kehidupan ekonomi para-pemukim dahulu sebagai petani, pendulang emas sepanjang lembah sungai dan sebagai pedagang menyebabkan mereka lebih suka untuk tinggal di pedalaman dari di tepi pantai. Malah, keinginan mereka untuk mencuba bermukim di sekitar dan di lingkungan yang mirip dengan kampung halaman mereka tinggalkan yang umumnya di bahagian pedalaman Sumatera menyebabkan mereka memilih daerah yang bukan hampir dengan pantai.³⁷

Tidak dapat dinafikan bahawa kemasukan orang-orang Minangkabau ke Malaysia tidak ada hentinya. Misalnya, pada tahun 1931, terdapat 40,100 orang Sumatera yang kira-kira 14,000 di antaranya adalah perantau Minangkabau.³⁸ Lebih 8,000 perantau Minangkabau tersebut bertempat tinggal di Selangor sedangkan yang tinggal di Perak adalah lebih dari 2,000 orang dan di Negeri Sembilan kurang dari itu. Namun demikian orang Melayu Minangkabau sendiri yang telah turun-temurun di Negeri Sembilan pada tahun 1969 berjumlah 233,000.³⁹

³⁶ T. Shamsul Bahrin, "The Indonesian In Malaya," M.A. Thesis, Universiti of Sheffield, 1964, hlm. 155.

³⁷ Ibid.

³⁸ T. Shamsul Bahrin, *The Indonesian In Malaya*, hlm. 155.

³⁹ Lihat Mochtar Naim, *Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau*, hlm. 145.

JADUAL 1

PENYEBARAN ORANG SUMATERA DI MALAYA 1931-1947

Negeri	1931	1947	Peratus Perubahan
Singapura	390	646	70.2
P.Pinang	175	289	64.9
Melaka	126	243	48.1
Perak	14,681	6,866	-52.5
Selangor	14,551	10,094	-30.6
N.Sembilan	2,485	2,668	7.3
Pahang	1,746	1,627	-6.7
Johor	2,975	1,710	-42.5
Kedah	2,482	823	-26.1
Kelantan	145	114	
Terengganu	149	147	190
Perlis	20	50	
Jumlah	40,100	26,303	-34.3

Sumber: Malayan Census Reports 1931-1947.

JADUAL 2

IMIGRAN INDONESIA YANG TIBA KALI PERTAMA DI MALAYA

Tahun	Jumlah	Peratus
Awal 1900	3,369	3.3
1901-1910	9,931	9.7
1911-1920	26,247	25.6
1921-1930	27,472	26.8
1931-1935	8,515	8.4
1936-1940	13,211	12.9
1941-1947	10,238	9.9
Tidak disebutkan	3,371	3.3
Jumlah	102,454	99.9

Sumber: 1947 Census Report of Malaya.

JADUAL 3
JUMLAH ORANG INDONESIA MENGIKUT ETNIS
DI MALAYA 1911-1947.

Komuniti	Jumlah				Peratus			
	1911	1921	1931	1947	1911	1921	1931	1947
Jawa	79,200	112,800	169,200	187,700	67	66	60	61
Banjar	21,300	37,800	45,400	62,400	18	22	16	20
*Sumatra	2,900	2,400	40,100	26,300	2	1	14	8
Boyan	7,600	9,800	14,000	20,400	6	6	5	7
Bugis	6,500	8,400	10,000	7,000	6	5	3	2
Lain-lain	200		2,000	5,400			2	2
Jumlah	117,800	170,200	280,600	309,100	99	100	100	100

*Keseluruhan Sumatera diklasifikasikan sebagai Melayu

Sumber: Malayan Census Reports 1911-1947

Berdasarkan kepada Jadual 3, jelas menunjukkan bahawa berlaku pertambahan imigran dari Indonesia ke Malaysia. Walaupun pada tahun 1947, terdapat perantau Sumatera yang berkurangan berbanding pada tahun 1931, tetapi kedatangan imigran dari Sumatera tetap terus berlaku.⁴⁰

Jadual 1 menunjukkan penyebaran orang Sumatera di Malaya, 1931 hingga 1947, sedangkan Jadual 3, menunjukkan jumlah orang Indonesia di Malaya menurut kelompok etnis masing-masing antara tahun 1911 hingga 1947. Oleh kerana 40% dari padanya diperkirakan sebagai orang Minangkabau, maka angka-angka tersebut juga membantu mengungkapkan penyebaran Minangkabau sekaligus.⁴¹

Sementara Jadual 2, pula menunjukkan imigran Indonesia yang tiba kali pertama di Malaya pula menunjukkan bahawa sejumlah 102, 404 imigran telah datang ke Malaya. Keadaan ini menunjukkan bahawa wujudnya kehadiran imigran yang tidak putus-putus ke Malaya.

Justeru itu, migrasi Indonesia telah berkembang sedikit demi sedikit semenjak awal 1900 hingga 1947 ke Malaya. Kedatangan imigran Indonesia itu mengambarkan bahawa wujudnya imigrasi yang berterusan ke Malaya. Justeru itu, ini membuktikan bahawa memang wujud kedatangan orang-orang Indonesia ke Malaya pada abad yang ke 20.

⁴⁰ Sila rujuk Jadual 3, hlm. 17.

⁴¹ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 145.

Walaupun bagaimanapun tidak ada cara yang sesuai untuk mengetahui berapa banyak jumlah penduduk Minangkabau di Malaysia. Keadaan ini adalah disebabkan oleh migrasi dari daerah-daerah lain di Nusantara (terutama dari Jawa, Sulawesi, Kalimantan dan pulau Bawean), dan mungkin juga dari utara (Muangthai), telah datang ke Semenanjung yang berkemungkinan telah bermula semenjak abad-abad yang sama dengan kedatangan ekspedisi Tri Sri Buana pada abad ke 12 Masihi.⁴² Orang Melayu moden sekarang merupakan rakyat Malaysia dan Singapura umumnya adalah anak-cucu kaum imigran tersebut.⁴³

Walaupun bagaimanapun, hanya di antara orang Minangkabau yang relatif baru datang sahaja yang dengan sedar menganggap diri mereka masih lagi berketurunan Minangkabau. Mereka yang tua atau nenek-nenek mereka yang berasal dari Minangkabau biasanya tidak lagi menganggap diri mereka sendiri sebagai orang Minangkabau. Sebaliknya, mereka akan menyebut diri mereka sebagai orang Melayu dan hanya apabila ditanya terus barulah mereka akan mengatakan bahawa mereka adalah dari keturunan Minangkabau.⁴⁴

Justeru itu pada abad ke 20, kedatangan para-perantau dari suku Minangkabau tetap wujud. Mereka tetap meneruskan tradisi kedatangan yang telah dilakukan oleh orang-orang Minangkabau yang terdahulu dari mereka. Apa yang berbeza hanyalah cara kemasukan orang-orang Minangkabau ke Malaysia. Keadaan ini adalah disebabkan oleh keadaan negara Malaysia dan Indonesia yang telah mencapai kemerdekaan daripada pihak

⁴² Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 145.

⁴³ Ibid.

⁴⁴ Ibid.

kolonial. Sejak itu, kedua-dua negara tersebut merasakan perlunya mengawasi dan mengendalikan arus imigran baru dengan undang-undang imigrasi yang lebih keras, yakni bagi orang Indonesia dan orang Minangkabau khususnya, hal itu bererti akhirnya dari tradisi lama mereka dalam merantau ke “kolang”, yang bermakna Malaysia keseluruhannya.⁴⁵

2.6 Kesimpulan

Kesimpulannya ialah kedatangan orang-orang Minangkabau ke Malaysia tetap terus berlaku sehingga ke abad ke 20. Malah, orang-orang Minangkabau telah melanjutkan lagi apa yang dianggap oleh mereka sebagai tradisi merantau yang wujud di kalangan mereka. Justeru itu, sejak dari zaman kegemilangan Melaka lagi, orang-orang Minangkabau telah datang ke Tanah Melayu pada abad ke 15 dan 16 sehinggalah membawa ke abad yang ke 20. Pelbagai cara yang telah digunakan sesuai mengikut peredaran zaman apabila mereka hendak memasuki sesebuah negara atau sesuatu tempat yang baru bagi mereka. Lantaran itu, kedatangan mereka ke Malaysia tidak pernah terhenti sebaliknya terus-menerus berlaku. Malah, telah bertebat ke seluruh Semenanjung Malaysia, kepulauan Borneo hinggalah kepada bahagian selatan Filipina. Justeru itu, migrasi orang-orang Minangkabau ke Malaysia, sebenarnya telah turun-temurun berlaku dan orang-orang Minangkabau dari Sumatera, Indonesia pada abad ke 20 ini telah melanjutkan lagi tradisi kedatangan ke Malaysia, khususnya.

⁴⁵ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Masyarakat Minangkabau, hlm., 144.

RUJUKAN

BUKU

- Abdul Rahman Haji Ibrahim. 1964. Dasar-Dasar Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Abdul Samad Idris. 1970. Hubungan Minangkabau Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan. Seremban: Pustaka Asas*
- Abdullah Taufik. 1966. Adat dan Islam An Examination of Conflic in Minangkabau. New York: Cornell University Press.
- Ahmad Batuah. 1956. Tambo Minangkabau dan Adatnya. Jakarta: Balai Pustaka.
- Bacthiar Mansoer. 1958. Minangkabau Dahulu dan Sekarang. Jakarta: Balai Pustaka.
- Cortesao, A. (ed). 1971. The Suma Oriental of Tom Pires. Jilid 2. London: The Hakluyt Society.
- Dahm. B. 1971. The History of Indonesia in The Twentieth Century. Pall Mall Press.
- Dixon B. R. 1951. Primitive Migration dalam Encyclopedia of The Social Science. Vol IX ed.
- De Josselin de Jong. 1960. Minangkabau and Negeri Sembilan Socio Political Structure In Indonesia. Jakarta: Bharatara.
- _____. 1971. The Dynastic Myth of Negeri Sembilan. belum diterbitkan.
- Encyclopedia Indonesia Sari Geografi. 1990. Minangkabau Dahulu dan Sekarang. Jakarta: P.I Ichtiar Baru Van Hoevei.
- Encyclopedia of The Social Science. 1951. vol IX. ed., s.v. "Migration" and "Mobility.
- Hamka. 1963. Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi. Jakarta: Tekad.
- _____. 1952/53. Kenang-Kenangan Hidup. Jakarta: Galzuirra.
- Harrison T.1970. The Malay of The South West Serewak Before Malaysia Socoi-Ecological Survey. Mc Millan.
- Lange H.M. 1852. Het Nederlandsch Oost. Indisch Leger ter Westkust van Sumatra (1819-1845). s'Hertogenbosch.
- Leu D. and Feith H. 1963. The End of The Indonesia Rebellion. Pacific Affair. No. 1. Spring.

Leur Van J. C. 1955. Indonesian In Trade and Society. The Hague: W. Van Hoevei.

Loeb M.E. 1972. Sumateras Its History & People. Kuala Lumpur/Singapore: Oxford University Press.

Maraden. 1962. The History of Sumatera. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Mochtar Naim. 1984. Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

Mohd Dahlan Mansoer. ed al . 1970. Sedjarah Minangkabau. Jakarta: Penerbitan Bhrata.

Muhammad Radjab. 1954. Perang Padri Di Sumatera Barat (1803-1838). Jakarta: Perpustakaan Kementerian Kem P.P.

_____. 1974. Semasa Kecil Di Kampung. Jakarta: Balai Pustaka.

Nalters. O.W.1970. The Fall of Srivijaya In Malay History. Ithaca: Cornell University Press.

Najeeb Saleeby. 1908. The History of Sulu. Manila: Bureau of Printing.

N. St. Iskandar.1966. Pengalaman Masa Kecil. Djakarta: Balai Pustaka.

Pires Tom. 1944. Suma Oriental, tr. and ed. by Armando Cortesao. London:Hakklyut Society.

Purwadarminta. 1966. Kamus Umum Bahasa Indonesia. Djakarta: Balai Pustaka.

Sartono Kartodijo. 1975. Sejarah Nasional Indonesia. Jakarta: Jabatan Pendidikan & Kebudayaan.

Schrieke B. 1955. The Causes and Effects of Comunism On The West Coast of Sumatra. Dlm Sociological Studies. The Hague: W. Van Hoeve.

Sihorbing, H. 1958. Pembinaan Hukum Waris dan Hukum Tanah Di Minangkabau. Dlm Mochtar Naim (ed), Menggali Hukum Tanah dan Hukum Waris Minangkabau. Padang: CMS.

Teuku Iskandar. 1970. Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tate DJM. 1971. The Making of Modern South East Asia. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Winstedt R.O. 1960. Kamus Bahasa Melayu, Singapore.

Wilkinson. 1971. Papers On Malay Subjects. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Tesis

Abdullah Taufik. 1969. Minangkabau 1900-1927. Preliminary Studies In Social Development. M. A. Thesis. University of Cornell

Tunku Shamsul Bahrin. 1964. The Indonesia In Malaya. M.A. Thesis. University of Shellfield.

Laporan

Del Tufo. 1949. A Report On The 1947. Census of Population. London. The Government Printer.

Journal

A.B. Ramsey. 1954. The Indonesia in Malaya. Dlm JMBRASS, Volium XXIX, Part 1

Khoo Kay Kim. 1972. Sejarah Tempatan. Penjelidik. Jil 11. Bil 1.

Mochtar Naim. Jun 1973. Perkembangan Kota-kota di Sumatera Barat. Prisma II. No. 3.

Winstedt R. O. May 1955. An Old Minangkabau Legal Digest From Perak. Dlm JMBRASS. Volium VIII.

Kertas Kerja

Mohd Dahlan Mansoer. 1974. Minangkabau dan Negeri Sembilan. Tujuan Kajian Sejarah dan Kebudayaan. Dlm Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih. Seremban: Majlis Belia dan Sukan Negeri Sembilan.

Akhbar.

Majlis 2 Mac 1944

Bahan Tdak Terbit.

Selangor State Secretariat Files 1945-1946.

Glosari

anak buah	:	anak saudara
Federal	:	Pusat
Kabupaten	:	Istana
Koto	:	Kota
Nagari	:	Negeri
Matrilineal	:	garis keturunan sebelah ibu
Patrilineal	:	dari ayah ke anak
Samende	:	satu ibu

Senarai Responden

Nama : Azwir b. Saini.
Umur : 41 tahun.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai makan.
Status : Berkahwin.
Alamat : 17 A, Tingkat 2,
Pusat Bandar, Taman Keramat,
Ampang, Selangor.
Tarikh temubual : 17. 4 .1996.

Nama : Abdul Ghaffar b. Shafie.
Umur : 64 tahun.
Asal : Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
Pekerjaan : Tukang Jahit.
Status : Berkahwin.
Alamat : 46, Lorong Keramat Dalam 7,
Pasar Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.
Tarikh temubual : 15.4.1996

Nama : Andi Kurniawan b. Shamsul
Umur : 25 tahun.
Asal : Medan, Sumatera.
Pekerjaan : Pembantu kedai.
Status : Bujang.
Alamat : 208, Malay Mension,
Jalan Masjid India,
Kuala Lumpur.
Tarikh temubual : 14.4.1996.

Nama : Bustanil b. Basir.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 33 tahun.
Pekerjaan : Tukang kasut.
Status : Berkahwin.
Alamat : Lorong kiri 19,
No. 468, Kampung Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.
Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Hassan Basri b. Deraman.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 48 tahun.
Pekerjaan : Tukang kasut.
Status : Berkahwin.
Alamat : Jalan 20A, No. 20,
Selayang Baru,
Selangor.
Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Nurdin b. Borhan.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 40 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai jahit.
Status : Berkahwin.
Alamat : Lot 55422, Kampung Padang Balang,
Sentul, Selangor.
Tarikh temubual : 13.4.1996.

Nama : Khuzaimah bt. Khatib.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 41 tahun.
Pekerjaan : Tukang masak.
Status : Berkahwin.
Alamat : 17 A, Pusat Bandar,
Taman Keramat, Ampang,
Selangor.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Mardjohan b. Mohd Shariff.
Asal : Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
Umur : 67 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai jahit.
Status : Duda.
Alamat : M.D.Djohan Tailoring,
No. 633, Lorong Keramat 6,
Pasar Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 14.4.1996.

Nama : Mohd Anuar b. Haji Shulan.
Asal : Padang, Sumatera.
Umur : 30 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan pertukangan emas.
Status : Berkahwin.
Alamat : No.645, Lorong Keramat 6,
Pasar Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Mohd Nor b. Jelahab.
Asal : Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
Umur : 66 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai jahit dan songkok.
Status* : Berkahwin.
Alamat : No.16, Lorong Raja Bot,
Kampung Baru,
50300 Kuala Lumpur.
Tarikh temubual : 13.4.1996.

Nama : Mohd Zubir Minang.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 58 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai jahit.
Status : Berkahwin.
Alamat : 245, Lorong Keramat Dalam 7,
Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.
Tarikh temubual : 17.4, 1996

Nama : Sukadi b. Sukan.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat
Umur : 30 tahun.
Pekerjaan : Tukang jahit.
Status : Berkahwin.
Alamat : Tanjung Tailoring,
16, Pusat Bandar,
Taman Keramat, Ampang,
Selangor.
Tarikh temubual : 17. 4. 1996.

Nama : John Ariff b. Hussein.
Asal : Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
Umur : 24 tahun.
Pekerjaan : Pembantu kedai.
Status : Bujang.
Alamat : 209K2, Jalan Hamzah,
Kampung Baru,
50300 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 14.4.1996.

Nama : Zulkhairi b. Mohd Zubir.
Asal : Padang, Sumatera.
Umur : 25 tahun.
Pekerjaan : Membantu perniagaan ayah dan sebagai tukang jahit.
Status : Bujang.
Alamat : 245, Lorong Keramat Dalam 7,
Datuk Keramat, 54000 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Mazwar b. Abu Haq.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 25 tahun.
Pekerjaan : Pembantu kedai.
Status : Bujang.
Alamat : No. 33, Aked Chow Kit,
Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 16.4.1996.